



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 4 JULAI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAFI SASAR LEBIH RAMAI ANAK MUDA CEBURI SEKTOR PERTANIAN BERTEKNOLOGI TINGGI, BERNAMA -ONLINE SASAR LEBIH RAMAI ANAK MUDA CEBURI SEKTOR PERTANIAN BERTEKNOLOGI TINGGI, HM -ONLINE VENTURE INTO HIGH TECHNOLOGY AGRICULTURE, YOUTHS TOLD, BERNAMA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	FAMA DISTRIBUTES FOOD ASSISTANCE TO LABUAN FOLK, HOME, BORNEO POST (KK) -5 SIN CHEW -ONLINE BANTUAN MAFI PRIHATIN KEPADA PENDUDUK SEKITAR LABUAN, SH -ONLINE MAFI SUMBANG BANTUAN MAKANAN KEPADA PENDUDUK SEKITAR LABUAN, BERNAMA -ONLINE FAMA WUJUD BILIK GERAKAN PASTIKAN KELANCARAN AKTIVITI PEMASARAN, SH -ONLINE MAFI PRIHATIN BANTU PETUGAS, KELUARGA BARISAN HADAPAN, NEGARA, KOSMO -12 BANTUAN MAFI PRIHATIN UNTUK ORANG LABUAN, NASIONAL, SH AHAD -13	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
11.	LPNM BANTU MASALAH PEKEBUN NANAS, NASIONAL, SH -29	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
12.	KEKALKAN NAFAS SEBAGAI PENGEDAR TUNGGAL BENIH PADI: PESAWAH, SH -ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
13. 14.	AYAM SAGA CEPAT MATANG, MSN NEWS -ONLINE AYAM SAGA CEPAT MATANG, XPRESI, METRO AHAD -36 & 37	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
15. 16.	JAMINAN PEMBELI DAN PASARAN, SH -ONLINE 'BOLEH TANAM PADI', NASIONAL, SH AHAD -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2021	BERNAMA	ONLINE	

MAFI sasar lebih ramai anak muda ceburi sektor pertanian berteknologi tinggi



PASIR MAS, 3 Julai -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan lebih ramai anak muda menceburi sektor pertanian berteknologi tinggi dalam usaha meremajakan bidang tersebut dan persediaan bagi tujuan eksport.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata penggunaan teknologi yang serba moden dan terancang mampu meningkatkan hasil tanaman yang diusahakan termasuk kualiti tanaman dan produktiviti pertanian.

"Ia seolah menjadi timbal balik dalam sektor pertanian dengan penglibatan anak-anak muda yang kreatif menggunakan teknologi-teknologi baharu sekali gus dapat memaksimumkan hasil pengeluaran yang bermutu tinggi dan boleh dieksport.

"Malah, kita juga mahu terapkan kepada petani baharu khususnya golongan muda apabila berkecimpung dalam bidang ini mereka perlu terapkan dalam pemikiran mereka bahawa tanaman itu bukan hanya untuk pasaran tempatan, namun bercita-cita untuk memasarkan hasil pertanian sehingga ke pasaran antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke Projek Komuniti Kampung Beta, Pohon Buloh, dekat sini yang mengusahakan tanaman cendawan tiram yang turut dihadiri Ahli Dewan Undangan (ADUN) Meranti Datuk Mohd Nassuruddin Daud, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata industri pembiakan cendawan sebagai tanaman hiliran di negara ini semakin meluas dijalankan melalui penggunaan pelbagai teknologi canggih sekali gus menarik minat ramai usahawan terutama dalam kalangan orang muda.

"Industri cendawan di Malaysia pada hari ini kian meluas dan hasil tanaman semakin meningkat dari setahun ke setahun. Malah, pada 2018, pengeluaran tanaman cendawan adalah sebanyak 5,589.1 tan meningkat kepada 8,797.6 tan pada 2019.

"Bagi Kelantan, pengeluaran tanaman cendawan pada 2019 adalah sebanyak 393.2 tan dan meningkat kepada 501.6 tan pada 2020," katanya menambah tanaman cendawan mendapat sambutan menggalakan di pasaran kerana ia dapat digunakan dalam pelbagai masakan.

Beliau berkata, sekiranya trend peningkatan pengeluaran cendawan terus meningkat setiap tahun, ia akan memenuhi permintaan di dalam negara, seterusnya ke pasaran antarabangsa.

"Malah, dengan kerjasama beberapa agensi di bawah MAFI, seperti Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), industri cendawan pasti akan terus berkembang dan mendapat tempat di pasaran," katanya.

Projek tanaman cendawan dikenali sebagai Rumah Hasil Cendawan Tiram di Kampung Beta itu adalah hasil kerjasama antara penduduk yang juga Ahli Kelab Komuniti Tani-Ternak Pasir Mas (KITABINA) yang menggunakan pelaras suhu automatik (IOT) yang mampu menghasilkan produk sepanjang tahun.

Projek yang teretus hasil idea anak jati Kampung Beta, iaitu Muhammad Syahmi Ahmad Johari, 31, ini dimulakan pada Mac lepas dan kini mempunyai sebanyak 2,030 bongkah cendawan dengan setiap bongkah boleh dituai enam kali dan dijual dengan harga RM10 sekilogram.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Sasar lebih ramai anak muda ceburi sektor pertanian berteknologi tinggi



Pasir Mas: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menyasarkan lebih ramai anak muda menceburi sektor pertanian berteknologi tinggi dalam usaha meremajakan bidang berkenaan dan persediaan bagi tujuan eksport.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II

Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, penggunaan teknologi yang serba moden dan terancang mampu meningkatkan hasil tanaman yang diusahakan termasuk kualiti tanaman dan produktiviti pertanian.

"Ia seolah menjadi timbal balik dalam sektor pertanian dengan pembabitan anak-anak muda yang kreatif menggunakan teknologi-teknologi baharu sekali gus dapat memaksimumkan hasil pengeluaran yang bermutu tinggi dan boleh dieksport.

"Malah, kita juga mahu terapkan kepada petani baharu khususnya golongan muda apabila berkecimpung dalam bidang ini mereka perlu terapkan dalam pemikiran mereka bahawa tanaman itu bukan hanya untuk pasaran tempatan, namun bercita-cita untuk memasarkan hasil pertanian sehingga ke pasaran antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke Projek Komuniti Kampung Beta, Pohon Buloh, dekat sini yang mengusahakan tanaman cendawan tiram yang turut dihadiri Ahli Dewan Undangan (Adun) Meranti Datuk Mohd Nassuruddin Daud, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata industri pembiakan cendawan sebagai tanaman hiliran di negara ini semakin meluas dijalankan melalui penggunaan pelbagai teknologi canggih sekali gus menarik minat ramai usahawan terutama dalam kalangan orang muda.

"Industri cendawan di Malaysia pada hari ini kian meluas dan hasil tanaman semakin meningkat dari setahun ke setahun. Malah, pada 2018, pengeluaran tanaman cendawan adalah sebanyak 5,589.1 tan meningkat kepada 8,797.6 tan pada 2019.

"Bagi Kelantan, pengeluaran tanaman cendawan pada 2019 adalah sebanyak 393.2 tan dan meningkat kepada 501.6 tan pada 2020," katanya menambah tanaman cendawan mendapat sambutan menggalakan di pasaran kerana ia dapat digunakan dalam pelbagai masakan.

Beliau berkata, sekiranya trend peningkatan pengeluaran cendawan terus meningkat setiap tahun, ia akan memenuhi permintaan di dalam negara, seterusnya ke pasaran antarabangsa.

"Malah, dengan kerjasama beberapa agensi di bawah Mafi, seperti Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), industri cendawan pasti akan terus berkembang dan mendapat tempat di pasaran," katanya.

Projek tanaman cendawan dikenali sebagai Rumah Hasil Cendawan Tiram di Kampung Beta itu adalah hasil kerjasama antara penduduk yang juga Ahli Kelab Komuniti Tani-Ternak Pasir Mas (Kitabina) yang menggunakan pelaras suhu automatik (IOT) yang mampu menghasilkan produk sepanjang tahun.

Projek yang tercetus hasil idea anak jati Kampung Beta, iaitu Muhammad Syahmi Ahmad Johari, 31, ini dimulakan pada Mac lalu dan kini mempunyai sebanyak 2,030 bongkah cendawan dengan setiap bongkah boleh dituai enam kali dan dijual dengan harga RM10 sekilogram.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2021	BERNAMA	ONLINE	

Venture into high technology agriculture, youths told



PASIR MAS, July 3 – The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) is targeting more young people to venture into high technology agricultural activities in an effort to rejuvenate the sector.

Its deputy minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawawi said the utilisation of modern technologies and proper planning could increase crop yield, quality and productivity.

“The involvement of youth in high technology agricultural activities can also help produce high-quality products that are also exportable.

“We also want new farmers especially the youth to produce more agricultural products that can be marketed not only locally but also internationally,” he added.

He said this to reporters after visiting the mushroom cultivation project site in Kampung Beta, Pohon Buloh, near here, today.

Also present was Meranti assemblyman Datuk Nassuruddin Daud.

Taking the mushroom cultivation in the country as an example, Che Abdullah said, the use of various technologies has greatly helped the industry grow and attracted more youths to venture into the field.

"In fact, 8797.6 tonnes of mushrooms were produced in Malaysia in 2019 compared to 5589.1 tonnes in 2018. A total 501.6 tonnes of mushrooms were produced in Kelantan last year as compared to 393.2 tonnes in 2019," he said.

"I am confident, the mushroom cultivation industry will continue to expand with the cooperation of several agencies under MAFI, such as the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) and the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA)," he said.

- BERNAMA

Headline	Fama distributes food assistance to Labuan folk		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	04 Jul 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	118 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 329
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 987



Fama distributes food assistance to Labuan folk

LABUAN: The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) through the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) has donated 500 sets of food aid under the MAFI Prihatin initiative to villagers from 27 villages here on Saturday.

In a statement, Fama said the assistance was a continuation of the MAFI Prihatin programme launched in January by Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee to help ease the people's burden in facing the Covid-19 pandemic.

It said the food aid containing

agricultural produce such as vegetables and fruits, was presented to the villagers by Sabah Fama director Ribin Wahid.

It added a total of 17,195 people comprising front line workers, charity bodies and non-governmental organisations (NGOs) in 74 locations nationwide have received the food assistance amounting to 36 metric tonnes of food, between May 27 until June 30 this year.

Fama said under the MAFI Prihatin initiative it has assisted 391 farmers and five entrepreneurs affected by the implementation of the Enhanced

Movement Control Order to market their products.

Fama has also set up a crisis management centre, operating from 8am to 7pm to ensure that marketing activities for agricultural products run smoothly throughout Phase One of the movement control under the National Recovery Plan.

Farmers and entrepreneurs having problems in marketing their agricultural products are encouraged to browse its feedback system at <http://ffs.fama.gov.my/aduan/index.php> or contact the Fama hotline at 019-7476754/013-3777100, 010-7632084. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2021	SIN CHEW	ONLINE	

农业部救济行动 纳闽27村获援助品



全国综合

+ 关注

广告

(纳闽3日讯) 农业及食品工业部 (MAFI) 今日分发500份援助品给纳闽27座甘榜的居民。

该部通过联邦农业销售局 (FAMA) 执行这项救济行动，今日由FAMA沙巴局长利宾华希代表移交援助品给纳闽前国会议员拿督苏海里，由后者分发给受惠群。

农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪于今年1月在布城推展MAFI关怀计划，在疫情期间派发蔬菜、水果等农产品给生活受到影响的民众。

文告指出，这项关怀计划从5月27日执行至6月30日为止，全国74个地点共1万7195人获得了援助，其中包括前线人员、福利机构及非政府组织，总共发放了36公吨的农产食物。

此外，在上述关怀计划下，FAMA协助在全面封锁时期面对销售困难的391名农民和5名企业业者销售20种农产品。

文告指出，沙巴FAMA在全面封锁时间，一共发出1015封通行信予农业活动有关业者。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Bantuan MAFI Prihatin kepada penduduk sekitar Labuan



MAFI Prihatin - Foto fail Bernama

LABUAN - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyampaikan 500 set bantuan makanan di bawah program MAFI Prihatin kepada penduduk 27 kampung di sini pada Sabtu.

Penyampaian bantuan MAFI Prihatin kepada penerima Program MAFI Prihatin antaranya dari Kampung Batu Arang, Kampung Batu Manikar dan

Kampung Bebuloh di pulau bebas cukai ini disempurnakan Pengarah FAMA Negeri Sabah, Ribin Wahid.

Menurut satu kenyataan MAFI kepada Bernama pada Sabtu, sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan itu merupakan kesinambungan program MAFI Prihatin yang dilancarkan pada Januari lepas di Wisma Tani Putrajaya oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee bagi membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Sejak pelaksanaan MAFI Prihatin pada 27 Mei lepas sehingga 30 Jun 2021, seramai 17,195 orang telah menerima bantuan terdiri daripada petugas barisan hadapan, badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di 74 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 36 tan metrik makanan telah disalurkan.

FAMA melalui MAFI Prihatin juga telah membantu 391 petani dan lima usahawan dalam memasarkan 20 jenis hasil pertanian dan produk mereka yang mengalami kesukaran untuk dipasarkan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

FAMA juga bertindak memberikan khidmat nasihat kepada petani untuk menyertai program Ladang Kontrak 2.0 MAFI, atau menghubungi FAMA sekiranya menghadapi masalah pemasaran hasil pertanian yang boleh dibantu dipasarkan menerusi saluran pemasaran FAMA.

Apabila berlakunya lebihan bekalan, hasil pertanian usahawan tani akan disalurkan kepada yang memerlukan melalui khidmat dan pengaturan pasaran yang dilaksanakan oleh FAMA.

Sehingga 30 Jun lepas, FAMA telah mengeluarkan sebanyak 14,961 surat kebenaran keterlibatan dalam sektor pertanian informal termasuk aktiviti rantai pembekalan dan pemasaran berkaitan keperluan makanan kepada usahawan tani.

Sektor pertanian formal yang melibatkan syarikat pengilangan, pengeluar produk atau industri makanan pula perlu terus mendapatkan kebenaran beroperasi melalui Covid-19 Intelligent Management System (CIMS 3.0) di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

FAMA negeri Sabah sendiri telah mengeluarkan 1,015 surat pelepasan usahawan bagi menjalankan aktiviti pertanian.

Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan PKPD Fasa Pertama ini, FAMA telah mewujudkan Bilik Gerakan yang beroperasi dari jam 8 pagi hingga 7 malam.

Ini bagi membantu para petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka dengan melayari portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/aduan/index.php>) atau menghubungi talian penting FAMA di 019-7476754/ 013-3777100/ 010-7632684. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2021	BERNAMA	ONLINE	

MAFI sumbang bantuan makanan kepada penduduk sekitar Labuan



LABUAN, 3 Julai -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyampaikan 500 set bantuan makanan di bawah program MAFI Prihatin kepada penduduk 27 kampung di sini hari ini.

Penyampaian bantuan MAFI Prihatin kepada penerima Program MAFI Prihatin antaranya dari Kampung Batu Arang, Kampung Batu Manikar dan Kampung Bebuloh di pulau bebas cukai ini disempurnakan Pengarah FAMA Negeri Sabah Ribin Wahid .

Menurut satu kenyataan MAFI kepada Bernama hari ini, sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan itu merupakan kesinambungan program MAFI Prihatin yang dilancarkan pada Januari lepas di Wisma Tani Putrajaya oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee bagi membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Sejak pelaksanaan MAFI Prihatin pada 27 Mei lepas sehingga 30 Jun 2021, seramai 17,195 orang telah menerima bantuan terdiri daripada petugas barisan hadapan, badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di 74 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 36 tan metrik makanan telah disalurkan.

FAMA melalui MAFI Prihatin juga telah membantu 391 petani dan lima usahawan dalam memasarkan 20 jenis hasil pertanian dan produk mereka yang mengalami kesukaran untuk dipasarkan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

FAMA juga bertindak memberikan khidmat nasihat kepada petani untuk menyertai program Ladang Kontrak 2.0 MAFI, atau menghubungi FAMA sekiranya menghadapi masalah pemasaran hasil pertanian yang boleh dibantu dipasarkan menerusi saluran pemasaran FAMA.

Apabila berlakunya lebih bekalan, hasil pertanian usahawan tani akan disalurkan kepada yang memerlukan melalui khidmat dan pengaturan pasaran yang dilaksanakan oleh FAMA.

Sehingga 30 Jun lepas, FAMA telah mengeluarkan sebanyak 14,961 surat kebenaran keterlibatan dalam sektor pertanian informal termasuk aktiviti rantaian pembekalan dan pemasaran berkaitan keperluan makanan kepada usahawan tani.

Manakala, sektor pertanian formal yang melibatkan syarikat pengilangan, pengeluar produk atau industri makanan perlu terus mendapatkan kebenaran beroperasi melalui COVID-19 Intelligent Management System (CIMS 3.0) di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

FAMA Negeri Sabah sendiri telah mengeluarkan 1,015 surat pelepasan usahawan bagi menjalankan aktiviti pertanian.

Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan PKPD Fasa Pertama ini, FAMA telah mewujudkan Bilik Gerakan yang beroperasi dari pukul 8 pagi hingga 7 malam.

Ini bagi membantu para petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka dengan melayari portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/aduan/index.php>) atau menghubungi talian penting FAMA di 019-7476754/ 013-3777100/ 010-7632684.

—BERNAMA'

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Fama wujud bilik gerakan pastikan kelancaran aktiviti pemasaran



MAFI melalui Fama ketika menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada keluarga dan penduduk sekitar Labuan

SHAH ALAM - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) mewujudkan bilik gerakan Pusat Pengurusan Krisis bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran semasa tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Fama dalam satu kenyataan berkata, bilik gerakan yang beroperasi pada pukul 8 pagi hingga 7 malam itu

bertujuan membantu para petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian.

"Fama bertindak memberikan khidmat nasihat kepada petani untuk menyertai program Ladang Kontrak 2.0 Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) atau menghubungi Fama sekiranya masalah sama berulang dan mengaturkan pasaran di outlet pemasaran Fama.

"Apabila berlakunya lebih bekalan hasil pertanian usahawan tani akan disalurkan kepada yang memerlukan melalui khidmat dan pengaturan pasaran yang dilaksanakan oleh Fama.

"Petani yang menghadapi masalah boleh melayari portal Fama Feedback System atau menghubungi hotline Fama di talian 019-7476754, 013-3777100 atau 010-76326," katanya pada Sabtu.

Tambahnya, sehingga 30 Jun, Fama telah mengeluarkan sebanyak 14,961 surat kebenaran keterlibatan dalam sektor pertanian tidak formal (informal) termasuk aktiviti rantai pembekalan dan pemasaran berkaitan keperluan makanan kepada usahawan tani.

Ujarnya, bagi sektor pertanian formal yang melibatkan syarikat pengilangan, pengeluar produk atau industri makanan perlu terus mendapatkan kebenaran beroperasi melalui Covid-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0 di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Dalam perkembangan lain, MAFI melalui Fama menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada keluarga dan penduduk di sekitar Labuan.

Kata kenyataan itu, sebanyak 500 set bantuan MAFI Prihatin diserahkan oleh Pengarah FAMA Negeri Sabah, Ribin Wahid kepada Dato' Suhaili Abdul Rahman untuk diagihkan ke 27 buah kampung di seluruh Labuan antaranya Kampung Batu Arang, Kampung Batu Manikar, Kampung Bebuloh dan lain-lain.

"Sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan ini merupakan kesinambungan program MAFI Prihatin yang dilancarkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee bertujuan membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat Covid-19.

"Sejak pelaksanaan MAFI Prihatin pada 27 Mei lalu sehingga 30 Jun, seramai 17,195 orang telah menerima bantuan yang terdiri daripada barisan hadapan, badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di 74 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 36 metrik tan makanan telah disalurkan," katanya.

Jelasnya, Fama melalui MAFI Prihatin juga telah membantu 391 orang petani dan lima orang usahawan dalam memasarkan 20 jenis hasil pertanian dan produk mereka yang mengalami kesukaran dalam menjalankan aktiviti pemasaran semasa tempoh pelaksanaan PKP 3.0.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2021	KOSMO	NEGARA	12

MAFI Prihatin bantu petugas, keluarga barisan hadapan

PETALING JAYA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada petugas barisan hadapan dan keluarga mereka di Labuan semalam.

Penyampaian bantuan MAFI Prihatin itu diserahkan oleh Pengarah FAMA Negeri Sabah, Ribin Wahid kepada Datuk Suhaili Abdul Rahman untuk diagihkan kepada petugas barisan hadapan di Labuan.

Menurut kenyataan dikeluarkan MAFI, sebanyak 500 set sumbangan akan diagihkan kepada 27 buah kampung di seluruh Labuan antaranya Kampung Batu Arang, Kampung Batu Manikar dan Kampung Bebuloh.

"Sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan itu merupakan kesinambungan program MAFI Prihatin yang dilancarkan pada Januari lepas di Wisma Tani Putrajaya.



SEBAHAGIAN sumbangan MAFI Prihatin kepada petugas barisan hadapan di Labuan semalam.

"Ia bertujuan membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat Covid-19," katanya semalam.

Sejak pelaksanaan MAFI Prihatin pada 27 Mei lalu sehingga 30 Jun 2021, seramai 17,195 orang telah menerima bantuan terdiri daripada petu-

gas barisan hadapan, badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan.

"Pemberian sumbangan itu melibatkan 74 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 36 metrik tan makanan telah disalurkan," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	13

Bantuan MAFI Prihatin untuk orang Labuan

LABUAN - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menyampaikan sebanyak 500 set bantuan makanan di bawah program MAFI Prihatin kepada penduduk 27 kampung di sini pada Sabtu.

Penyampaian bantuan MAFI Prihatin kepada penerima Program MAFI Prihatin, antaranya dari Kampung Batu Arang, Kampung Batu Manikar dan Kampung Bebuloh di pulau bebas cukai itu disempurnakan Pengarah FAMA Negeri Sabah, Ribin Wahid.

MAFI dalam satu kenyataan berkata, sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan itu merupakan kesinambungan program MAFI Prihatin yang dilancarkan pada Januari lalu di Wisma Tani Putrajaya oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee bagi membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Menurut MAFI, sejak pelaksanaan MAFI Prihatin pada 27 Mei sehingga 30 Jun lalu, seramai 17,195 orang telah menerima bantuan terdiri daripada petugas barisan hadapan, badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di 74 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 36 tan metrik makanan telah disalurkan.

Fama melalui MAFI Prihatin juga telah membantu seramai 391 petani dan lima usahawan dalam memasarkan 20 jenis hasil pertanian serta produk mereka yang mengalami kesukaran untuk dipasarkan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Fama turut memberikan khidmat nasihat kepada petani untuk menyertai program Ladang Kontrak 2.0 MAFI atau menghubungi Fama sekiranya menghadapi masalah pemasaran hasil pertanian yang boleh dibantu dipasarkan menerusi saluran pemasaran Fama. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	29

LPNM bantu masalah pekebun nanas

Tular video seorang pekebun nanas tidak dapat jual hasil tanaman

Oleh SYAHIDATUL AKMAL DUNYA

SHAH ALAM

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) menawarkan bantuan bagi menyelesaikan masalah pasaran buah nanas melibatkan seorang pekebun dalam rakaman video bertajuk 'buah nanas tidak dapat dijual dan dikeluarkan daripada sebuah kebun' yang tular di media sosial.

LPNM dalam kenyataan pada Sabtu berkata, pihaknya juga akan membuat pemadanan bersama pihak kilang pengetinan nanas dan turut mengenal pasti pihak pemborong yang memerlukan buah nanas ketika ini.

Menurut LPNM, pihaknya turun ke lapangan pada 30 Jun lalu untuk meninjau kebun yang diusahakan pekebun berkenaan di Parit Lapis Maimon, Parit Lubok Darat Semerah Batu Pahat, Johor.

"Pekebun tersebut mengusahakan tanaman nanas seluas enam hektar yang kebanyakannya terdiri daripada variasi Moris, selain Josapine dan dia pernah mendapat bantuan tanaman daripada LPNM pada 2015.

"Tiada sebarang masalah pasaran yang dihadapi pe-

kebun berkenaan sehingga tahun ini susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 dan 3.0 telah dilanjutkan dan dikuatkuasakan," menurut kenyataan tersebut.

LPNM berkata, dijangka sebanyak 125,000 nanas sedang dan akan dikeluarkan dari kebun pekebun berkenaan sepanjang tempoh akhir Jun hingga pertengahan Ogos ini.

"Nanas tidak dapat dijual disebabkan peraih atau pemborong tidak mengambil buah seperti biasa kerana kekurangan permintaan di pasaran ketika PKP.

"Kekurangan permintaan terutama bagi segmentasi masakan yang biasanya melibatkan kenduri, sektor perhotelan dan restoran turut menjadi penyumbang utama masalah pasaran," katanya.



Kenyataan media LPNM pada Sabtu.

Pada masa yang sama, pihak LPNM telah mengambil langkah sewajarnya untuk menangani isu pasaran buah nanas ketika PKP 1.0 dan PKP 2.0.

"LPNM sentiasa memantau masalah dihadapi pekebun berdaftar dan aktif terutama dari segi pasaran ketika PKP 3.0," katanya.

Pada Selasa, tular rakaman video menunjukkan seorang pekebun nanas yang tidak berpuas hati dengan PKP yang dikuatkuasakan kerajaan menyebabkan dia tidak dapat menjual hasil tanaman yang diusahakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Kekalkan Nafas sebagai pengedar tunggal benih padi: Pesawah



SHAH ALAM - Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) meminta kerajaan supaya mengekalkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebagai pengedar tunggal benih padi di dalam negara.

Pengerusinya, Muhammad Fuad Yaacob berkata, pengedaran tersebut perlu dilakukan selagi mana tidak ada perubahan dalam sistem subsidi benih padi kepada sistem terbuka melalui kupon yang lebih baik.

Katanya, meskipun berlaku kelewatan dalam penghantaran benih padi yang sah, namun tidak adil menyalahkan Nafas semata-mata atas perkara tersebut.

“Pengedaran benih dibuat sepenuhnya melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) untuk menghapuskan orang tengah yang mengeksploitasi pasaran.

“Belum pun sampai musim seterusnya, Bahagian Industri Padi dan Beras, Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (IPB MAFI) dikatakan akan mengubah semula sistem pengedaran benih ini kepada sistem lama.

“Iaitu beberapa syarikat berkepentingan termasuk pengeluar benih diberikan lesen untuk menjadi pemborong dan mereka nanti akan melantik agen masing-masing sama seperti sebelum ini,” katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Sejak Disember tahun lalu, kerajaan melantik Nafas sebagai pengedar benih tunggal dengan harga RM35 untuk satu beg benih.

Muhamad Fuad berkata, kelewatan penghantaran berlaku kerana Nafas tidak diberikan masa yang mencukupi sebagai persediaan untuk mengedarkan benih padi sah tersebut.

“Sejak mula lagi kami berpandangan sistem pengedaran Nafas ini perlu dilaksanakan secara berperingkat bukan secara mengejut.

“Apapun, hakikatnya adalah pengedaran telah selesai dan Nafas telah berjaya mengurangkan permasalahan di atas sehingga berakhirnya musim pertama ini.

“Melalui penelitian kami, tidak adil disalahkan Nafas semata-mata atas kelewatan dan isu kualiti benih yang berlaku kerana semua kuota pembekal benih padi dan kelulusan benih adalah ditetapkan oleh IPB dan Jabatan Pertanian,” ujarnya.

Menurut Muhamad Fuad, kelewatan pengedaran itu juga adalah berpunca daripada pembekal yang diberikan kuota oleh IPB di samping kelewatan kelulusan oleh Jabatan Pertanian.

Sementara itu, daripada data tempahan yang diberikan oleh PPK, beliau berkata, pihaknya dimaklumkan kuota sebenar biji benih padi sah untuk semusim adalah 28,000 metrik tan (MT) sahaja dan bukan 36,000 MT yang lazimnya dituntut pengeluar sebelum ini.

"Maknanya selama ini mungkin ada ketirisan sebanyak 8,000 MT semusim.

"Selepas perlantikan 12 syarikat pemborong yang baru untuk menjadi pengedar akan datang, peranan PPK sebagai ejen tidak diperlukan lagi memandangkan syarikat boleh melantik ejennya sendiri.

"Maka, kami bimbang keadaan akan kembali seperti sebelum ini yang mana berlaku kegiatan sorok, eksploitasi bekalan dan kenaikan harga oleh kartel-kartel benih padi," jelasnya.

Beliau turut mengingatkan bahawa perniagaan Nafas adalah demi kebaikan petani memandangkan ia merupakan wakil kepada ahli berdaftar PPK.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2021	MSN NEWS	ONLINE	

Ayam saga cepat matang



a herd of animals standing in a room: REBAN ayam saga yang khas untuk betina. © Provided by Harian Metro REBAN ayam saga yang khas untuk betina.

KEPUTUSAN lelaki berusia 44 tahun ini berundur dari bidang kejuruteraan lapan tahun lalu untuk menceburkan diri dalam dunia pertanian dan

penternakan nyata menampakkan hasilnya.

Menyusun strategi menjadi kunci utama kepada pemilik nama Mohd Yazid Sulaiman yang melihat kedua-dua bidang itu mempunyai nada sama untuk menjana pendapatan dalam perniagaan.

Anak kelahiran Kuala Selangor itu, pada awalnya mengusahakan tanah keluarganya seluas 0.8 hektar dengan melakukan kerja penanaman sayur-sayuran kemudian beralih kepada penternakan ayam kampung.

Kini, Mohd Yazid bukan sahaja petani yang menanam sayur-sayuran, malah pada masa sama bergelar usahawan dalam semua rantaian penternakan ayam.

"Pada awalnya saya menternak 300 ayam kacuk dengan modal permulaan RM3,000 bagi tujuan jualan daging. Seterusnya, mengembangkan kepada 5,000 ayam kacuk.

"Namun, akibat cabaran bekalan dan persaingan ladang ayam kacuk pedaging saya melangkah setapak dengan menyertai pengeluaran anak ayam saga iaitu ayam kampung hasil kajian Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi)," katanya.

Sejak itu, Mohd Yazid menjadi peserta pengembangan ayam saga di bawah bimbingan Mardi dan Jabatan Veterinar.

Mohd Yazid berkata, sehingga kini dia mempunyai 5,000 ayam merangkumi pembaka dan anak ayam saga. Turut berada dalam jumlah itu ialah ayam kacuk.

Jelasnya, ayam saga mempunyai keunikan rasa tersendiri dan tempoh matang untuk disembelih hanya mengambil masa tiga hingga tiga bulan setengah berbanding ayam kampung asli, antara empat hingga lima bulan.

"Untuk ayam saga, saya bukan sahaja mengusahakan jualan baka, tetapi merangkumi semua rantainya iaitu bermula dari jualan telur sehingga daging sejuk beku.

"Setakat ini, saya bukan sahaja menjualnya di sekitar Selangor, malah mempunyai pembeli di Kelantan dan Melaka," katanya yang mempunyai 4,000 ayam saga pelbagai peringkat usia.

Katanya, dari segi makanan, ayam yang ditenaknya diberikan 80 peratus makanan komersial dan 20 peratus makanan alternatif.

Jelasnya, makanan menjadi elemen paling penting dalam penternakan ayam berkualiti dan mampu menghindari penyakit.

"Namun, ketika ini harga makanan komersial semakin meningkat dan ia boleh memberi kesan kepada kos penjualan kepada pengguna.

"Jadi, sebagai penternak, saya sendiri mencampurkan 20 peratus makanan alternatif terdiri daripada pokok ketum ayam dan jagung yang ditanam di sekeliling ladang," katanya yang membelanjakan sehingga RM10,000 untuk makanan ayam sebulan.

Tambahnya, ayam saga khasnya mendapat permintaan tinggi daripada pembeli kerana ia digemari pelbagai bangsa di Malaysia dan pekerja asing.

"Bagi telur ayam saga dijual pada harga antara 50 sen hingga 80 sen sebiji, anaknya yang hidup dijual pada RM2.50 seekor dan daging siap diproses mampu mencecah RM18 sekilogram kepada pembeli akhir.

"Saya fokus kepada penjualan anak ayam. Secara purata mampu menjual sehingga 4,000 ekor sebulan dan bagi ayam saga matang, sehingga 500 ekor sebulan," katanya.

Jelasnya, sebagai penternak dan peniaga dia perlu bijak menguruskan bekalan supaya ia tidak terputus kepada pembeli dalam kalangan peniaga selain penternak.

"Selain itu, saya juga mempelbagaikan perniagaan supaya pendapatan tidak hanya tertumpu kepada satu sumber.

"Saya juga mempunyai kedai makanan ternakan yang diusahakan bersama rakan sekampung dan Jasa Jaya Agro milik saya serta keluarga supaya penternak dapat membeli barangan keperluan penternakan pada harga berpatutan," katanya.

Dia turut mengakui cabaran sentiasa ada dan sebagai pengusaha serta peniaga, perkara lebih penting ialah ilmu pengetahuan.


"Saya sendiri mengikuti pelbagai kursus untuk menambah ilmu pengetahuan dalam bidang ini yang bukan sahaja mengenai ternakan, malah perniagaan.

"Perkara yang tidak dilupakan ialah ayam ternakan pernah mengalami kematian kerana serangan selesema. Jadi, apabila kita tidak mempunyai pengetahuan mengenai kawalan penyakit itu, pastinya memberi kesan dalam perniagaan

. Begitu juga jika tidak tahu aspek pemasaran, saya akan tenggelam dengan pesaing lain," katanya.

Pesannya, dunia penternakan mudah untuk dimulakan, tetapi perlu cekal berdepan cabaran selain kreatif.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2021	METRO AHAD	XPRESI	36



Makanan elemen paling penting dalam penternakan berkualiti

REBAN ayam saga yang khas untuk betina

AGRO

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@
mediaprima.com.my

Keputusan lelaki berusia 44 tahun ini berundur dari bidang kejuruteraan lapan tahun lalu untuk menceburkan diri dalam dunia pertanian dan penternakan nyata menampakkan hasilnya.

Menyusun strategi menjadi kunci utama kepada pemilik nama Mohd Yazid Sulaiman yang melihat kedua-dua bidang itu mempunyai nada sama untuk menjana pendapatan dalam perniagaan.

Anak kelahiran Kuala Selangor itu, pada awalnya mengusahakan tanah keluarganya seluas 0.8 hektar dengan melakukan kerja penanaman sayur-sayuran kemudian beralih kepada penternakan ayam kampung.

Kini, Mohd Yazid



AYAM saga jantan yang sudah matang

bukan sahaja petani yang menanam sayur-sayuran, malah pada masa sama bergelar usahawan dalam semua rantalan penternakan ayam.


"Pada awalnya saya memelihara 300 ayam kacuk dengan modal permulaan RM3,000 bagi tujuan jualan daging. Seterusnya, mengembangkan kepada 5,000 ayam kacuk.

"Namun, akibat cabaran bekalan dan


persaingan ladang ayam kacuk pedaging saya melangkah setapak dengan menyertai pengeluaran anak ayam saga iaitu ayam kampung hasil kajian Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)," katanya.

Sejak itu, Mohd Yazid menjadi peserta pembangunan ayam saga di bawah bimbingan MARDI dan Jabatan Veterinar.

Mohd Yazid berkata,



YAZID mempunyai mesin inkubator untuk telur ayam



ANAK-anak ayam diasingkan dan memastikan mendapat penjagaan yang baik.

FOTO 1 HSIAN MOHD YAZID SULAIMAN

meningkat dan ia boleh memberi kesan kepada kos penjualan kepada pengguna.

"Jadi, sebagai penternak, saya sendiri mencampurkan 20 peratus makanan alternatif terdiri daripada pokok ketum ayam dan jagung yang ditanam di sekeliling ladang," katanya yang membelanjakan sehingga RM10,000 untuk makanan ayam sebulan.

Tambahnya, ayam saga khususnya mendapat permintaan tinggi daripada pembeli kerana ia digemari pelbagai bangsa di Malaysia dan pekerja asing.

"Bagi telur ayam saga dijual pada harga antara 50 sen hingga 60 sen sebij, anaknya yang hidup dijual pada RM2.50 seekor dan daging siap diproses mampu mencecah RM18 sekilogram kepada pembeli akhir.

"Saya fokus kepada penjualan anak ayam. Secara purata mampu menjual sehingga 4,000 ekor sebulan dan bagi ayam saga matang, sehingga 500 ekor sebulan," katanya. Jelasnya, sebagai

penternak dan peniaga dia perlu bijak menguruskan bekalan supaya ia tidak terputus kepada pembeli dalam kalangan peniaga selain penternak.

"Selain itu, saya juga mempelbagaikan perniagaan supaya pendapatan tidak hanya tertumpu kepada satu sumber.

"Saya juga mempunyai kedai makaran ternakan yang diusahakan bersama rakan sekaripung dan Jasa Jaya Agro milik saya serta keluarga supaya penternak dapat membeli barangan keperluan penternakan pada harga berpatutan," katanya.

Dia turut mengakui cabaran sentiasa ada dan sebagai pengusaha serta peniaga, perkara lebih penting ialah ilmu pengetahuan.

"Saya sendiri mengikuti pelbagai kursus untuk menambah ilmu pengetahuan dalam bidang ini yang bukan sahaja mengenai ternakan, malah perniagaan.

"Perkara yang tidak dilupakan ialah ayam ternakan pernah mengalami kematian kerana serangan selesema. Jadi, apabila kita tidak mempunyai pengetahuan mengenai kawalan penyakit itu, pastinya memberi kesan dalam perniagaan. Begitu juga jika tidak tahu aspek pemasaran, saya akan tenggelam dengan pesaing lain," katanya.

Pesannya, dunia penternakan mudah untuk dimulakan, tetapi perlu cekal berdepan cabaran selain kreatif.

sehingga kini dia mempunyai 5,000 ayam merangkumi pembaka dan anak ayam saga. Turut berada dalam jumlah itu ialah ayam kacuk.

Jelasnya, ayam saga mempunyai keunikan rasa tersendiri dan tempoh matang untuk disembelih hanya mengambil masa tiga hingga tiga bulan setengah berbanding ayam kampung asli, antara empat hingga lima bulan.

"Untuk ayam saga, saya bukan sahaja mengusahakan jualan baka, tetapi merangkumi semua rantainya iaitu bermula dari jualan telur sehingga daging sejuk beku.

"Setakat ini, saya bukan sahaja menjualnya di sekitar Selangor, malah mempunyai pembeli di Kelantan dan Melaka," katanya yang mempunyai 4,000 ayam saga pelbagai peringkat usia.

Katanya, dari segi makanan, ayam yang diternaknya diberikan 80 peratus makanan komersial dan 20 peratus makanan alternatif.

Jelasnya, makanan menjadi elemen paling penting dalam penternakan ayam berkualiti dan mampu menghindari penyakit.

"Namun, ketika ini harga makanan komersial semakin



IKAN keli antara cabang penternakan diusahakan Mohd Yazid



POKOK ketum ayam yang dijadikan makanan alternatif



POKOK terung mini diusahakan di sekitar ladang



TURUT membela burung puyuh

Untuk ayam saga, saya bukan sahaja mengusahakan jualan baka, tetapi merangkumi semua rantainya iaitu bermula dari jualan telur sehingga daging sejuk beku

MOHD YAZID

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Jaminan pembeli dan pasaran



Aktiviti penggredan di salah sebuah PPL peserta Program Ladang Kontrak.

BIDANG pertanian menyumbang peratusan tinggi daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Pada tahun 2019, sebanyak 7.1 peratus KDNK datang daripada sumber pertanian.

Ini membuktikan pertanian satu-satunya industri yang tidak akan 'mati' malah menjadi keperluan terpenting manusia

terutama dalam saat-saat genting.

Kemelesetan ekonomi yang tercetus akibat pandemik Covid-19 telah menyebabkan berlakunya krisis kemanusiaan seperti kehilangan pekerjaan, perniagaan rugi, hutang keliling pinggang dan banyak lagi.

Percaya atau tidak, sumber pertanian sebenarnya mampu menjana pendapatan dan dapat mengubah nasib seseorang jika dilaksanakan secara sistematik dan mendapat sokongan serta latihan daripada agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Program Ladang Kontrak adalah salah satu mekanisme untuk membantu pengusaha pertanian berskala kecil dan sederhana dalam menjamin pengeluaran hasil pertanian mereka mendapat pulangan yang setimpal.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), program Ladang Kontrak diperkenalkan melalui empat teras iaitu untuk menjamin pasaran dan meningkatkan pendapatan pengeluar, mempertingkatkan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran, memastikan pengeluaran hasil pertanian berkualiti dan menepati kehendak pasaran serta mempertingkatkan pemindahan teknologi di sepanjang rantai bekalan.

Setelah Bahagian Pemasaran dan Eksport (BPE) ditubuhkan pada tahun 2017 dan program ini dipindahkan ke BPE, fokus program itu mula dialihkan kepada aspek pemasaran.

Dalam RMK12, program itu telah digantikan dengan Program Khidmat Pemasaran MAFI atau dikenali sebagai Program Ladang Kontrak 2.0 (LK2.0).

Program LK2.0 merupakan satu program kerjasama di antara pemasar dengan pengeluar yang dipermudahkan oleh agensi atau Jabatan Pembimbing MAFI.

Sebagai balasan kepada persetujuan kerjasama itu, pihak pemasar dan pengeluar yang didaftarkan sebagai peserta program layak menerima insentif/ kemudahan pemasaran yang ditawarkan melalui program berkenaan.

Sejak RMK9, bilangan peserta LK2.0 telah mencapai kira-kira 17,000 orang. LK2.0 menekan empat objektif utama iaitu:

- ☑ Menghubungkan peserta dengan pasaran dan memastikan hasil pengeluaran dipasarkan.
- ☑ Membantu usahawan pemasar mendapat bekalan terus daripada pengeluar hasil pertanian agar hasil disalurkan secara berjadual dan berterusan.
- ☑ Mengenal pasti dan membangunkan peserta pengeluaran menjadi usahawan pemasar.
- ☑ Meningkatkan pendapatan peserta program.

Program itu terbuka kepada pengusaha baharu dan juga pengusaha sedia ada dalam bidang pertanian yang memenuhi syarat pemilihan dan kriteria ditetapkan.

Peserta sama ada individu, syarikat atau koperasi boleh menyertai LK2.0 dengan syarat mereka berdaftar dengan mana-mana jabatan atau agensi MAFI termasuklah Jabatan Pertanian Sabah dan Jabatan Pertanian Sarawak.

Peserta juga perlu memiliki kawasan tanah tapak projek dengan pemilikan atau sewaan yang sah di sisi undang-undang.

Agensi pelaksana pemasaran iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pula akan menilai, memilih dan meluluskan permohonan peserta selepas membuat pendaftaran.

Agensi itu juga berperanan memberi bantuan pemasaran kepada peserta; memantau dan merekod aktiviti pemasaran setiap peserta mengikut KPI yang ditetapkan; membeli, memasarkan hasil pengeluaran dan bertindak sebagai fasilitator/perantara di antara pengeluar dengan pemasar/pasaran; menyediakan 'forward agreement' dan menguruskan proses menandatangani perjanjian, serta bertindak membangunkan ruang pasaran bagi meneroka pasaran baharu untuk usahawan pemasar yang terlibat.

Peserta yang terlibat dalam program LK2.0 diberikan bantuan dalam bentuk barangan (in-kind) serta khidmat nasihat pemasaran berdasarkan keperluan peserta dan mengikut skop program yang telah diluluskan.



FAMA mengambil hasil pertanian peserta yang telah mengikat perjanjian 'forward agreement' bersama FAMA.

Jaminan pasaran

Apa yang menarik, pembeli industri/ komersial yang bekerjasama dalam program itu akan menerima bekalan yang konsisten daripada pembekal iaitu peserta

program.

Komitmen ini dinyatakan melalui perjanjian yang ditandatangani kedua-dua pihak.

Peserta LK2.0 diberi pilihan untuk menandatangani perjanjian jual beli dengan pihak FAMA atau LPP yang dikenali sebagai 'forward agreement'.

Melalui perjanjian ini, LPP/ FAMA akan membeli hasil keluaran peserta mengikut kuantiti dan gred yang telah dipersetujui bersama.

Selain itu, penentuan harga belian adalah sama ada belian pada harga tetap atau pada harga semasa yang disokong dengan harga lantai.

Harga lantai adalah harga minimum yang akan dibayar kepada peserta jika berlaku kejatuhan harga pada sesuatu komoditi.

Ini bagi memastikan peserta dapat meneruskan aktiviti pertanian mereka, sekali gus menjamin pasaran secara tetap.

Agensi pelaksana program juga melaksanakan program pengaturan pasaran kepada peserta bagi mempelbagaikan luang pasaran.

Melalui pengaturan pasaran ini, peserta akan dipadankan dengan pembeli industri/komersial seperti pasar raya, kedai runcit, kedai makan, katerer dan lain-lain.

LK2.0 menggunakan sistem e-LK sepenuhnya bagi memastikan setiap laporan dan butiran peserta direkodkan secara sistematik.

Melalui sistem yang telah dibangunkan pada tahun 2020 ini, profil setiap peserta akan direkodkan termasuklah jenis tanaman, anggaran tarikh pengeluaran hasil, anggaran pengeluaran dan nilai pengeluaran dan lain-lain.

Pelan pemasaran LK2.0

1. Forward Agreement (FA) bersama Agensi

Peserta menandatangani FA bersama FAMA/LPP untuk memasarkan hasil ladang. Kemudian, agensi akan membeli berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui, sebelum dipasarkan ke pasar raya/outlet pasaran di bawah seliaan agensi.

2. Agensi mengaturkan pasaran

Agensi akan mengaturkan pasaran kepada peserta melalui penganjuran program jualan secara berkala di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti seperti program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL).

3. Agensi selaku fasilitator

Peserta boleh mendapatkan khidmat agensi selaku fasilitator dalam rundingan bersama pihak pemasar/pembeli swasta seperti pasar raya dan industri hotel, restoran dan katering.

Agensi juga boleh membantu memadankan peserta program dengan usahawan Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran (RPKP) dan usahawan outlet-outlet jualan di bawah seliaan agensi seperti Agrobazaar Rakyat, Agrobazaar Kedai Rakyat, MyFarm Outlet dan lain-lain.

4. Pusat Pengumpulan Ladang (PPL)

Kerajaan turut menyediakan bantuan fasiliti PPL yang berbentuk khemah mudah alih/separa kekal serta peralatan pemasaran kepada peserta.

Dengan fasiliti yang disediakan ini, usahawan pemasar di PPL memainkan peranan penting dalam membantu petani setempat untuk memasarkan produk.

Banyak PPL yang telah berkembang maju menjadi pusat jualan terus kepada masyarakat setempat dan juga pembeli industri.

Malah terdapat PPL yang menjadi hab pengumpulan hasil sayur-sayuran dan ulam-ulaman untuk dieksport ke Singapura.



Salah sebuah PPL yang dibangunkan sebagai pusat pengumpulan hasil pengeluaran peserta.

Aktiviti bersawah dalam kawasan PKPD dibenar demi kelangsungan bekalan beras

'Boleh tanam padi'



Pengusaha sawah padi perlu mematuhi SOP ditetapkan kerajaan untuk mengelak jangkitan Covid-19.

PUTRAJAYA

Aktiviti penanaman padi di kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dibenarkan bagi mengelak masalah kekurangan bekalan beras dalam negara.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bagaimanapun petani yang mengusahakan sawah padi perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan untuk mengelak jangkitan Covid-19.

"Kelangsungan rantaian bekalan makanan terutamanya padi tidak terjejas.

"Kawasan penanaman padi yang terlibat PKPD seperti Ijok di Kuala Selangor boleh beroperasi seperti biasa," katanya.

Ismail Sabri berkata demikian pada sidang akhbar bersama Menteri Penyelaras Pelan Pemulihan Negara, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz di Perdana Putra di sini pada Sabtu.

Kerajaan sebelum ini mengumumkan pelaksanaan PKPD di beberapa mukim dan lokaliti di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selama 14 hari bermula hari ini hingga 16 Julai ekoran trend jangkitan Covid-19 yang tinggi di

negeri itu dan Kuala Lumpur.

Turut diumumkan adalah kebenaran operasi bagi firma guaman untuk memudahkan urusan dokumentasi mandangkan mahkamah akan dibuka mulai Isnin ini.

"Banyak urusan dokumentasi melibatkan jabatan kerajaan termasuk pejabat tanah, institusi perbankan dan prosiding mahkamah serta lain-lain perlu dilaksanakan," kata beliau.

Jelas Ismail Sabri, SOP terperinci akan diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan

Undang-Undang), Datuk Seri Takiyuddin Hassan dalam masa terdekat.

Mengenai rungutan orang ramai berhubung penutupan masjid ketika ini, Ismail Sabri berkata, SOP pembukaan masjid ditentukan oleh kerajaan negeri dan bukannya Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"SOP masjid meliputi kebenaran jemaah serta aktiviti tidak dikawal MKN di peringkat persekutuan kerana aktiviti berkaitan agama di bawah kerajaan negeri," katanya. - *Bernama*